

TARIKH	23 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	NEWS

Warga emas tertipu pakej haji

Kerugian lebih RM350,000, wang diserah pada 2010

TUMPAT, KELANTAN — Hasrat 35 bakal haji untuk ke Mekah tahun ini, mungkin tidak kesampaian selepas terperangkap dengan penipuan seorang lelaki yang menawarkan pakej haji sehingga kerugian an lebih RM350,000.

Wang itu diserahkan kepada lelaki terbabit pada awal tahun 2010 lagi, namun sehingga kini mereka belum bertolak ke Tanah Suci selepas beberapa kali ditangguhkan atas pelbagai alasán.

Mangsa, Muhammad Ali, 70, merupakan guru Pondok Berangan berkata, dia sedih dengan apa yang berlaku kerana kebanyakannya mangsa yang dikata tertipu ini adalah anak muridnya yang sudah lanjut usia.

"Ada anak murid saya sanggup mengeluarkan wang dari Tabung Haji semata-mata untuk mengerjakan haji bersama saya melalui pakej haji lelaki terbabit dengan sebuah syarikat

yang beroperasi di Selangor.

"Bila dah tertangguh beberapa kali, saya rasa tidak sedap hati sehingga sebahagian daripada kami membuat laporan polis kerana mengesyaki kami sudah ditipu lelaki itu," katanya.

Lelaki berkata, lelaki itu sering berkunjung ke pondok ini, namun sejak beberapa kali tertangguh ibadah haji, dia terus tidak menjelaki kakinya di pondok ini lagi.

Selain pelajar pondok, tutur tertipu adalah ahli keluarga Muhammad sendiri dan juga beberapa orang warga emas dari Kuala Krai dan Pasir Puteh serta dari Kampung Padang Tembusu, Tumpat.

Seorang lagi mangsa, Sulaiman Mohamad, 85, berkata, ini adalah ibadah haji yang pertama dalam hidupnya dan kerana ingin segera ke Makkah dia sanggup menjual tanah pusakanya.

"RM12,500 duit hasil jual tanah ini, saya bayar kepada lelaki itu untuk pakej haji."

"Duit itu sebelum ini saya simpan di dalam Tabung Haji, tetapi kerana mahu segera ke Mekah, saya keluarkan kerumusan duit itu."

"Lagipun saya teruja untuk pergi bersama dengan kawan-kawan yang belajar di pondok ini dan guru pondok, Muhammad," katanya.

Menurutnya, dia khuatir dengan usianya yang semakin lanjut, kemungkinan dia tidak sempat mengerjakan haji sekiranya pakej haji melalui lelaki itu ditangguhkan lagi.


"Saya akan buat laporan polis pada Ahad ini dan ramai lagi kawan yang senasib akan membuat laporan berhubung penipuan itu," katanya.

Bagi Deris Seman, 75, berkata, dia juga sanggup mengeluarkan duit dari Tabung Haji untuk mengikuti pakej haji melalui lelaki itu kerana ingin



“Bila dah tertangguh beberapa kali, saya rasa tidak sedap hati sehingga sebahagian daripada kami membuat laporan polis kerana mengesyaki kami sudah ditipu lelaki berkenaan.”

Muhammad



Deris (kanan) bersama Sulaiman menunjukkan laporan polis yang dibuat.

berangkat cepat ke Makkah.

"Kalau melalui Tabung Haji, saya dijangka dapat menerima haji lima tahun lagi."

"Saya kerugian RM12,000 apabila menyerahkan wang kepada lelaki itu pada awal 2010 lagi dan akan berangkat ke Tanah Suci pada 2011,"

katanya.

Ketua Polis Daerah Tumpat, Superitend Khalid Munap mengesahkan menerima satu laporan berhubung kejadian itu.

"Kes ini disiasat oleh pihak Jenayah Komersil Ibu Pejabat Kontinjen Kelantan," katanya.